

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 APRIL 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 22
SURAT

Pelan Hala Tuju Gas Negara kurangkan beban PETRONAS

Pelan Hala Tuju Gas Negara kurangkan beban PETRONAS

Pelan Hala Tuju Gas Negara yang sedang dalam proses akhir dimukamadkan oleh Kementerian Ekonomi dan akan dilancarkan tahun ini bermatlamat mengurangkan beban PETRONAS di masa depan, bukan bertujuan memangsakan syarikat minyak dan gas nasional itu.

Menjelaskan perkara itu, Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli, berkata kini mana-mana syarikat boleh mengimport gas asli cecair (LNG) untuk dijual ke pasaran.

Beliau berkata, meskipun infrastruktur penggegasan semula dan paip gas memang dimiliki PETRONAS, namun memandangkan Malaysia mempunyai kerangka akses kepada pemain industri melalui akses pihak ketiga, mana-mana syarikat boleh mengimport LNG dan dijual ke pasaran.

Bagaimanapun, tegasnya mungkin timbul kerana syarikat lain tidak berminat dan hampir keseluruhan pengimportan LNG ke pasaran domestik dibuat oleh PETRONAS.

"Perkara ini menimbulkan beban kepada PETRONAS kerana kebergantungan negara kepada PETRONAS semata-mata.

"Sekiranya harga yang diimport PETRONAS lebih tinggi daripada harga yang dijual kepada pasaran, PETRONAS terpaksa menanggung kerugian," katanya dalam satu hantaran di media sosial rasmi beliau, semalam.

Menyangkal dakwaan sesetengah pihak bahawa ia perancangan untuk menghapuskan monopoli PETRONAS dalam industri

gas, Rafizi berkata, Pelan Hala Tuju Gas Negara sebenarnya bertujuan merancakkan rantaian nilai gas domestik, memandangkan Malaysia terpaksa import lebih banyak LNG selepas ini kerana pengeluaran gas bagi kegunaan pasaran Semenanjung semakin berkurangan.

Menurutnya, apabila lebih banyak syarikat menceburti perdagangan gas dan mengimport LNG untuk dibekalkan, kedudukan PETRONAS dan negara lebih baik dari beberapa sudut.

"Pertama, PETRONAS dapat menjana pendapatan tambahan kerana syarikat itu perlu membayar yuran akses untuk menggunakan infrastruktur gas PETRONAS.

"Kedua, risiko PETRONAS berdepan kerugian kerana memiliki beban sebagai satu-satunya pengimport LNG juga berkurangan.

"Ketiga, bekalan gas lebih terjamin kerana industri gas yang lebih banyak pemain.

"Keempat, kita boleh menarik pelaburan baharu ke dalam industri gas hiliran," katanya.